



Majikan yang mengeksploitasi pekerja migran boleh dilarang menggaji pemegang *temporary visa* (visa sementara) untuk tempoh tertentu

Sejajar dengan *Strengthening Employer Compliance Act* (Akta Meneguhkan Kepatuhan Majikan), undang-undang baharu akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2024 bagi melindungi pekerja migran daripada eksploitasi.

Prohibition declaration (perisytiharan larangan) akan dikenakan bagi menghalang eksploitasi pekerja migran sementara yang rentan, serta mendorong pematuhan majikan dan penyedia khidmat pihak ketiga.

Perisytiharan boleh dibuat jika individu atau syarikat melanggar bahagian atau seksyen tertentu, berkaitan dengan layanan pekerja migran sementara, dalam *Migration Act* (Akta Migrasi), *Fair Work Act* (Akta Kerja Adil), atau *Criminal Code* (Kanun Jenayah). Perisytiharan juga boleh dibuat jika individu atau syarikat tidak mematuhi *compliance notice* (notis pematuhan), *enforceable undertaking* (ikrar boleh kuat kuasa) atau *sponsorship obligation* (kewajipan penajaan).

Nama dan ABN *prohibited employer* atau penyedia pihak ketiga yang dikenakan larangan akan diterbitkan di laman web Australian Border Force (Pasukan Sempadan Australia). Setelah larangan berakhir, mereka boleh menggaji semula pekerja migran sementara, tetapi mesti mematuhi beberapa peraturan pelaporan khusus.

Melanggar perisytiharan larangan adalah kesalahan jenayah. Hukumannya:

- sehingga 2 tahun penjara dan 360 unit hukuman (ketika ini denda \$118,800) atau kedua-duanya, atau hukuman sivil 240 unit hukuman (ketika ini denda \$79,200) bagi individu.
- sehingga 1,800 unit hukuman (ketika ini denda \$594,000) dalam kes jenayah, atau hukuman sivil sehingga 1,200 unit hukuman (ketika ini denda \$396,000) bagi badan korporat.

Pekerja migran yang mengalami eksploitasi digalakkan membuat laporan kepada [Fair Work Ombudsman](#) (Ombudsman Kerja Adil) atau [Border Watch](#) (Pengawas Sempadan).



[Hak-hak pekerja migran](#)



[Undang-undang baharu tentang eksploitasi pekerja migran](#)



[Fair Work Ombudsman](#)



[Border Watch](#)

Apakah yang tidak boleh dilakukan oleh majikan yang dikenakan larangan?

Majikan yang dilarang (sama ada individu atau badan korporat) tidak boleh menambah walau seorang pun pekerja yang memegang visa sementara, selama jangka masa tertentu.

Berapa lamakah tempoh kuat kuasa perisytiharan larangan majikan?

- Tiada tempoh maksimum bagi kesalahan berkaitan pemerdagangan manusia dan perhambaan moden.
- Maksimum 10 tahun bagi kesalahan jenayah (kecuali berkaitan pemerdagangan manusia dan perhambaan moden).
- Sehingga 5 tahun bagi semua kesalahan lain berkaitan pekerja migran.

Apakah yang terjadi kepada pekerja, apabila majikan dikenakan larangan?

Pekerja migran tidak dikenakan hukuman. Pekerja yang sedang bekerja dengan majikan itu boleh memilih sama ada terus bekerja dengannya atau tidak.

Bolehkah majikan membuat rayuan terhadap larangan?

Ya. Majikan atau penyedia pihak ketiga akan menerima notis yang menerangkan sebab-sebab larangan mungkin dikenakan. Mereka diberikan waktu 28 hari, atau tempoh yang ternyata dalam notis, untuk membuat rayuan bertulis mengapa tidak patut diisytiharkan sebagai *prohibited employer*.